

Ilmu, ihsan pandu sembelihan halal

FOTO IHSAN NOR NADIHA MOHD ZAKI

Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) dengan kerjasama Pusat Islam Universiti dan Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Kursus Asas Penyembelihan Halal baru-baru ini.

Kursus yang disertai pelajar, ahli akademik dan orang awam, khususnya kariah Masjid UPM disampaikan penceramah berpengalaman, pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohamad Nazar Mohamed Yunos dan Pengarah IPPH sendiri, Profesor Dr Awis Qurni Sazili.

Pengarah program, Dr Mohd Nizam Hayat berkata, program bertujuan



SEBAHAGIAN daripada peserta program dan sekretariat kursus asas penyembelihan halal.

memberi pemahaman asas sembelihan halal dan kepentingan ihsan dalam pengurusan haiwan sembelihan ini, melalui perspektif syariah dan sains.

“Program sebegini

mampu memberi pencerahan kepada orang awam mengenai asas penyembelihan halal yang mematuhi keperluan syarak dan ihsan kepada haiwan melalui latihan praktikal sembelihan yang

dilaksanakan.

“Dalam masa sama, ia dapat menginspirasi masyarakat berkenaan kepentingan sains dalam membuktikan kesan kepada haiwan dan kualiti daging yang lebih baik selepas

pengurusan sembelihan halal ini,” katanya.

Bagi penyelidik Laboratori Polisi & Pengurusan Halal IPPH, Dr Yazid Yaakob, kursus berkenaan amat sesuai dalam mendidik masyarakat berkenaan kepentingan ihsan dalam pengurusan sembelihan.

“Dalam melaksanakan proses sembelihan, kita bukan sahaja mematuhi rukun, tetapi ia juga perlu selaras dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) beserta melalui pembuktian sains.

“Ia juga dapat memupuk kesedaran masyarakat kepentingan ilmu dan penyelidikan dalam segenap aspek kehidupan,” katanya.



Dalam melaksanakan proses sembelihan, kita bukan sahaja mematuhi rukun, tetapi ia juga perlu selaras dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) beserta melalui pembuktian sains

**DR MOHD
NIZAM**